



PERSEDIAAN MASUK RUMAH BAHARU


Tahun baharu, azam baharu, berpindah pula ke rumah baharu. Tentu sesuatu yang mengujakan. Pun begitu, pastikan pendawaian elektrik, air, pintu dan kunci rumah berfungsi dengan baik. Dalam masa yang sama, masih banyak perkara yang perlu diuruskan. Antaranya;

RANCANG SUSUN ATUR PERABOT

Rancang terlebih dahulu susun atur dan kedudukan perabot di rumah baharu dan sesuaikan dengan perabot yang sedia ada. Anda tidak perlu tergesa-gesa menggantikan perabot, kerana kos perpindahan agak tinggi. Banyak perkara yang perlu diuruskan. Mana-mana barang yang tidak diperlukan boleh dijual atau dibuang.

PILIH HARI YANG SESUAI

Pastikan hari yang sesuai untuk berpindah. Misalnya hari cuti atau



hujung minggu. Namun sesetengah pengurusan premis bangunan kediaman seperti kondominium atau

apartment menetap hari dan masa tertentu untuk berpindah. Penghuni tidak dibenarkan berpindah pada waktu

malam atau hari cuti kerana dibimbangi mengganggu penghuni lain yang mahu berehat.

ELAK KOMITMEN LAIN

Elakkan daripada mempunyai komitmen lain pada hari berkenaan. Usah berpindah pada saat akhir bagi mengelakkan suasana menjadi kelam kabut.

SENARAIKAN BARANG

Senaraikan barang yang akan dibawa ke rumah baharu. Masukkan ke dalam kotak mengikut jenis dan keperluan, kemudian labelkan bagi memudahkan anda menyusun semula barang berkenaan. Balut atau bungkus barang-barang tersebut terutama barang-barang kaca, bagi mengelakkan kotor, pecah, rosak dan calar.

ASINGKAN BARANG BERTERANGA

Asingkan barang-barang berharga dengan barang-barang lain. Bagi mengelakkan kekeliruan, tandakan dengan kod tertentu yang hanya difahami oleh anda dan keluarga terdekat sahaja. Sebaik-baiknya anda sendiri yang bawa barang-barang tersebut sewaktu berpindah bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku, seperti kehilangan, rosak dan sebagainya.

INSURANS

Sebaik-baiknya ambil polisi insurans sebagai persediaan awal, andai berlaku kerosakan, kehilangan dan sebagainya

SEDIAKAN BARANG-BARANG YANG PERLU

ANDA pasti kepenatan setelah banyak perkara yang perlu dilakukan. Jadi, sebaik-baiknya sediakan kotak khusus yang mempunyai keperluan semasa seperti pinggan mangkuk, kain baju dan sebagai untuk digunakan pada hari pertama di rumah baru nanti.



sewaktu proses perpindahan.

SEWA LORI YANG SESUAI

Sewa lori yang sesuai mengikut keperluan dan barang-barang anda. Teliti caj yang dikenakan. Adakah ia berpatutan atau sebaliknya. Pastikan lori datang itu seperti yang dijanjikan. Misalnya, pemilik lori menjanjikan lori empat tan, sebaliknya yang datang lori satu tan, sedangkan harga yang dikenakan untuk lori empat tan.

Untuk mengelakkan daripada tertipu, sebaik-baiknya ambil beberapa

sebut harga, kemudian pilih harga dan 'service' terbaik. Bagi mengelakkan berlaku salah faham, pastikan harga yang ditawarkan itu termasuk pembantu yang akan mengangkat barang atau hanya untuk lori sahaja.

PILIH RUANG MANA YANG PERLU DIDAHULUKAN

Pilih ruang mana yang perlu dikemas terlebih dahulu. Lakukan secara beransur-ansur sebelum berpindah secara total. Antara yang boleh dilakukan seperti menyusun pinggan mangkuk, kain baju dan sebagainya. Jadi, setelah barang-barang yang besar datang dengan lori, anda hanya perlu meletakkannya di tempat yang dikhaskan.

PERKAKAS ELEKTRIK

Satu lagi perkara penting, pastikan anda mengingati kedudukan wayar atau kabel sama ada komputer peribadi, laptop dan barangan elektrik bagi memudahkan anda menyambungnyanya semula di rumah baru nanti. Jika anda seorang yang pelupa, ambil gambar terlebih dahulu sebelum mencabut wayar-wayar berkenaan.

